

U B666 DEB

MAHATHIR-TLDM 1984

LUMUT, 20 NOV. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENGAJIKEMUNGKINAN MENSWASTAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA LIMBUNGAN KAPAL DAN PEMBAIKAN KAPAL DI PANGKALAN TENTERALAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) DISINI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARIINI.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGAIMANAPUNKAJIAN MENDALAM PERLU DIJALANKAN UNTUK MENENTUKAN PENSWASTAAN ITU BUKAN SAHAJA DAPAT MENGUNTUNGAN SEKTOR SHASTA YANG TERLIBAT TETAPI JUCA UNTUK TIDAK MERUGIKAN KERAJAAN.

+KITA BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN RASMI SAMA ADA LIMBUNGAN ITU AKAN DIURUSKAN SEBACAI SEBUAH JABATAN DI BAWAH TLDM ATAU MENSWASTAKANNYA

TERUS.

+KITAMUNGKINMENCARI PIHAK SWASTA YANG BERMINTA UNTUK DISERAHKAN SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGIAN DARIPADA KEMUDAHAN YANG ADA DI LIMBUNGAN ITU, +TAMBAH BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SEBELUM MENGAKHIRILAWATAN LIMA JAM KE PANGKALAN ITU,

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN BERKATA MENERUSI PENSWASTAAN ITU, KERAJAAN BERHARAP UNTUK MENDAPAT BALIK SEKURANG-KURANGNYA SEPARUH PERBELANJAAN \$1.2 RIBU JUTA YANG DIKELUARKAN UNTUK PROJEK TLDM LUMUT.

+KITATIDAK PERMAKSUD SEGALA KEMUDAHAN YANG ADA DISINI AKAN MEMBAWAKEUNTUNGAN KEPADA KERAJAAN. KITA SEDAR DALAM BELANJA PERTAHANAN, KITA TIDAK DAPAT BAYARAN BALIK ATAS PERBELANJAAN BANYAK YANG DIKELUARKAN KERANA KEBANYAKANNYA MERUPAKAN BELANJA HANGUS DAN TIDAK DAPAT BALIK MODAL YANG DITANAM. +

DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN PENSWASTAAN ITU, DUA PROJEK ANGKATAN TENTERA DICADANGKAN AKAN DISWASTAKAN. SEBELUM INI PENGUMUMAN TELAH DIBUAT UNTUK MENSWASTAKAN DEPOH BALIKPULIH KAPAL TERBANG (AIROB) DI SUBANG, DEKAT KUALA LUMPUR YANG DICADANGKAN AKAN DISERAHKAN KEPADA SWASTA MULAI 2 JAN. AKAN DATANG.

INI ADALAH LAWATAN KALI KEDUA DR. MAHATHIR KE PANGKALAN TLDM LUMUT. LAWATAN PERTAMANYA IALAH PADA DIS. 1981.

PERDANA MENTERI BERBANGGA KERANA DALAM TEMPOH TIGA TAHUN SAHAJA, PANGKALAN ITU TELAH BERUBAH WAJAH DENGAN DIBEKALKAN DENGAN SEGALA ALATAN DAN BANGUNAN YANG TELAH SIAP UNTUK DIGUNAKAN.

KATANYA, SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PROJEK ITU TELAH SELESAI DIBINA CUMA KEMUDAHAN LATIHAN YANG KINI SEDANG DILENGKAPI DENGAN PERALATAN SEBELUM DISERAHKAN KEPADA TLDM.

SUNGGUHPUN DR. MAHATHIR BERBANGGA KERANA PROJEK ITU MERUPAKAN YANG TERMODEN DAN PALING LENGKAP DI ASIA TENGGARA, TETAPI USAHA PERLU DIBUAT UNTUK MENENTUKAN IA DIGUNAKAN DENGAN SEPENUHNYA.

+BANYAK LAGI TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL TERMASUK MENDAPATKAN PEKERJA MAHIR YANG BOLEH MENGGUNAKAN SEGALA ALAT UMPAMANYA YANG TERDAPAT DI DEPOH MEMBAIKI KAPAL YANG DILENGKAPI DENGAN SEGALA PERALATAN MODEN, +TAMBAHNYA.-- BERNAMA.

LUMUT 20 NOV 1984